



**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod bidang **221110 – Khidmat Latihan, Tenaga Pengajar Dan Moderator/ Negotiator** bagi sebut harga seperti berikut :

BIL	TEMPOH PELAWAAN	NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA
1.	26 Mei 2017 (Jumaat) hingga 31 Mei 2017 (Rabu)	JPP- SH(B)04/2017	Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pengendalian Latihan Program CPCM Tahun 2017 Bagi Kursus <i>Designing Tricks And Tools Of Presentation</i> (CPCM E/5) Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (Lihat syarat-syarat sebut harga) Spesifikasi seperti LAMPIRAN A

1. Kenyataan Tawaran Sebut Harga dan Dokumen Sebut Harga ini boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Jabatan Pendidikan Politeknik <http://politeknik.gov.my>
2. Dokumen Sebut Harga yang perlu dilengkapkan dan dikemukakan adalah seperti berikut :
 - i. LAMPIRAN Q
 - ii. LAMPIRAN A
 - iii. LAMPIRAN B
 - iv. LAMPIRAN C
 - v. Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan
 - vi. Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
 - vii. Penyata bank yang terkini
 - viii. Surat Pendaftaran GST (sekiranya ada)
3. Dokumen Sebut Harga yang lengkap hendaklah dihantar melalui Pos Berdaftar, Emel ATAU Faks kepada alamat dibawah. Dokumen yang tidak lengkap atau lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

Urusetia Perolehan

Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP)
Galeria PjH, Aras 5, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 **PUTRAJAYA, MALAYSIA**
Faks : 03-8891 9300
Tel : 03-8891 9105 / 9210
Emel : perolehanjpp@mohe.gov.my

**KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Kepada (Nama Syarikat). Pelawaan Sebutharga dikeluarkan oleh
 Jabatan (Alamat Lengkap)
 No. Telefon..... **Jabatan Pendidikan Politeknik**
 No. Pendaftaran dengan Kementerian **Galeria PIH, Aras 5, Jalan P4W**
 Kewangan **Persiaran Perdana, Presint 4,**
 Kod Bidang Pendaftaran yang relevan **62100 Putrajaya**
 dengan pembelian ini: **221110** No. Telefon. **03-8891 9000**
 Tarikh : **26 Mei 2017**

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
- 1.1 Syarat Penyerahan **- seperti di dalam dokumen sebutharga -**
- 1.2 Tempoh Penyempurnaan Pembekalan / Perkhidmatan **- seperti di dalam dokumen sebut harga-**
- 1.3 Arahan Pengirim **- seperti di dalam dokumen sebutharga -**
- 1.6 Tempoh sahlaku sebutharga hendaklah **45** hari selepas tarikh tutup.

Bil	Perihal barang-barang/perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kualiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
	Untuk diisi oleh Jabatan			Diisi oleh Penyebutharga	
1.	SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENGENDALIAN LATIHAN PROGRAM CPCM TAHUN 2017 BAGI KURSUS <i>DESIGNING TRICKS AND TOOLS OF PRESENTATION</i> (CPCM E/5) JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA	Seperti di Lampiran A – Jadual Spesifikasi		JUMLAH	

- i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih (tanpa kenaan cukai GST); dan

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebutharga

Nama & No. K/P

Alamat Syarikat

Tarikh :

.....

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan. Sebut harga oleh penyebut harga juga hendaklah mengambil kira fi perkhidmatan bagi perolehan secara elektronik sebanyak 0.8% bagi setiap nilai Pesanan Kerajaan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga bagi sebahagian bilangan item tidak boleh ditawarkan dan akan ditolak.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak mengkehendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah

membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu dan fasal kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi syarat-syarat sebut harga atau kontrak.

9. PENAMATAN

Jabatan berhak untuk membatalkan kontrak perkhidmatan sekiranya penyebut harga berada dalam situasi berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Jabatan;

- 9.1 Sekiranya penyebut harga gagal membuat pembekalan seperti yang ditawarkan atau dipersetujui dalam Surat Setuju Terima tanpa sebab yang munasabah;
- 9.2 Kemajuan kerja terlalu lembap tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- 9.3 Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- 9.4 Tidak mematuhi arahan Pegawai Jabatan tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- 9.5 Apabila penyebut harga diisytiharkan muflis oleh pihak yang sah. Sekiranya pelantikan penyebut harga ditamatkan, tindakan tatatertib akan diambil terhadap penyebut harga tersebut;

10. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Ketua Pengarah JPP terlebih dahulu

11. TAFSIRAN

Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Penyebut Harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

12. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

13. CUKAI GST

- 13.1 Semua tawaran harga oleh syarikat hendaklah dikemukakan tanpa kenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).
- 13.2 Syarikat hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran GST kepada Jabatan ini

- 13.3 Sekiranya syarikat yang berjaya adalah berdaftar GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan mengeluarkan SST/PesananTempatan/Inden Kerja kepada syarikat dengan tawaran harga termasuk kenaan GST.
- 13.4 Bagi syarikat yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta GST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka syarikat hendaklah:
- (i) memaklumkan dengan segera kepada Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri berkenaan perubahan status pendaftaransyarikat tersebut di bawah Akta GST; dan
 - (ii) membuat permohonan untuk pelarasan bagi kenaan GST. Pelarasan harga kenaan GST hendaklah dimuktamadkan oleh Pegawai Pengawal.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

14. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

15. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual

16. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

17. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

18. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM)

19. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;

- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkus dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkus atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

JADUAL SPESIFIKASI

JPP-SH(B)04/2017

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENGENDALIAN LATIHAN PROGRAM CPCM TAHUN 2017 BAGI KURSUS *DESIGNING TRICKS AND TOOLS OF PRESENTATION* (CPCM E/5) JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

Nota : Semua Spesifikasi adalah mandatori

NO	SPESIFIKASI	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
1.	<p><u>COURSE MODULE</u></p> <p>Content of courses:</p> <p>Module 1: Microsoft Office PowerPoint</p> <p>The course demonstrates how Microsoft PowerPoint can be used to produce slides with powerful visual impact. The course also covers how to remain centre stage when delivering presentations to create real impact with the audience</p> <p>Module 2: Flash</p> <p>The course demonstrates Adobe Presenter software, anyone can rapidly create professional, on-demand presentations from within Microsoft PowerPoint. With just a few clicks, you can transform drab presentations into interactive multimedia experiences with narration, animations, quizzes, and simulations</p> <p>Module 3: PowerPlugs Charts</p> <p>The course demonstrates PowerShow.com that is a leading presentation/slideshow sharing website for various purposes or occasion.</p> <p>Module 4: Prezi</p> <p>This course demonstrates Prezi as a Web-based presentation application and storytelling tool that uses a single, infinite canvas instead of traditional slides. Learn how to create non-linear presentations, where you can zoom in and out of a visual map; create a path through different objects and frames to represent the order of the information to be presented; and view your presentation in either a browser window or download to show it without an Internet connection.</p> <p>Module 5: Empressr</p> <p>This course demonstrates Empressr which is the first visual storytelling and presentation rich Internet application. Feature-rich, it allows participants to create, manage and share—going beyond other applications by enabling them to combine streaming video, animation, audio, still images and text to create the most dynamic content possible. Participants can easily embed their visual story in their blog or favorite social network page. Or use Empressr to create state of the art boardroom presentations.</p>	5 Series		

NO	SPESIFIKASI	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
	<p>Module 5 : Assessment</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pre-Test • Presentation • Post-Test <p><u>NUMBER OF PARTICIPANTS</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 150 Participants (5 series) <p><u>COURSE LOCATION</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Politeknik Kota Bharu • Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah • Politeknik Port Dickson • Politeknik Ibrahim Sultan Politeknik Mersing • Politeknik Sultan Idris Shah <p><u>COURSE DURATION</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 22 Hours/siri (5 Series) 			
2.	<p><u>TRAINING KITS</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Courses Learning Materials and basic stationeries • Teaching Aids 	<p>150 Pax</p> <p>147 Pax</p>		
JUMLAH HARGA KESELURUHAN				

Sebarang pertanyaan mengenai spesifikasi boleh menghubungi **Pn Nurhafizah bt Yahya** menerusi talian **03-8891 9135**

.....
(Tandatangan Pembekal)

Nama :

No K/P :

Cop Syarikat:

Tarikh

SURAT AKUAN PEMBIDA**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENGENDALIAN LATIHAN PROGRAM
CPCM TAHUN 2017 BAGI KURSUS *DESIGNING TRICKS AND TOOLS OF
PRESENTATION* (CPCM E/5) JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA****(NO. SEBUT HARGA: JPP-SH(B)04/2017)**

Saya, (*Nama Wakil Syarikat*) Nombor K.P.....
yang mewakili (*Nama Syarikat*) nombor
Pendaftaran *MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB*) dengan ini
mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pendidikan
Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi** atau mana-mana individu lain, sebagai **sogokan**
untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan **Surat
Perwakilan Kuasa** bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat
pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah mana-mana individu dalam **Jabatan Pendidikan Politeknik,
Kementerian Pendidikan Tinggi** atau mana-mana individu lain sebagai **sogokan** untuk dipilih
dalam sebut harga di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan
berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai **sogokan** untuk dipilih dalam
sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan segera melaporkan perbuatan tersebut
kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang
berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. K/P :
Cop Syarikat :

Catatan: i) *Potong yang mana tidak berkenaan
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SENARAI SEMAK

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENGENDALIAN LATIHAN PROGRAM CPCM TAHUN
2017 BAGI KURSUS *DESIGNING TRICKS AND TOOLS OF PRESENTATION* (CPCM E/5)
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA**

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan di ruangan yang disediakan.

Bil.	Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Penyebut Harga	Untuk Ditanda Oleh Urus Setia
1.	Lampiran Q		
2.	Lampiran A – Jadual Spesifikasi		
3.	Lampiran B – Surat Akuan Pembida		
4.	Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia		
5.	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)		
6.	Salinan Penyata Bank Bulanan (<i>Terkin</i>)		
7.	Salinan pendaftaran GST (sekiranya ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan saya bertanggungjawab ke atas semua tawaran yang dikemukakan.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA

Urus Setia Sebut Harga B JPP mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali perkara bertanda **X** (jika ada).

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :